



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap/ Kontrak** / bagi jawatan **Lantikan / Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Terus** di **Kampus Shah Alam** dan **Cawangan** bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI			
				MINIMUM		MAKSIMUM	
A.	KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL						
1	PEGAWAI UNDANG-UNDANG	L52	Pegawai Undang-Undang	P1	RM 5,581.56	-	RM 7,489.55
2	PEGAWAI UNDANG-UNDANG	L44	Pegawai Undang-Undang	P1	RM 3,411.65	-	RM 5,889.68
3	PEGAWAI SAINS (KONTRAK)	C41	Pegawai Sains	P1	RM 1,939.89	-	RM 5,555.05
4	PEGAWAI PENYELIDIK (KONTRAK)	Q41	Pegawai Penyelidik	P1	RM 2,145.88	-	RM 5,553.48
5	JURURAWAT (KONTRAK)	U29	Jururawat	P1	RM 1,311.58	-	RM 3,599.85

PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L52)

SYARAT LANTIKAN

- I) Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*);
 - (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- dan
- (e) Mempunyai tempoh pengalaman berkaitan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun

TARAF JAWATAN

Tetap

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan Pegawai Undang-Undang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L44)

SYARAT LANTIKAN

- I) Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*);
 - (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- dan
- (e) Mempunyai tempoh pengalaman berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun

TARAF JAWATAN

Tetap

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan Pegawai Undang-Undang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PEGAWAI SAINS (GRED C41)

SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada RM2147.45);

(Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang Genomic, Pilot Plant, Tisu Kultur, NMR dan Kimia)

dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Pembantu Perubatan, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PEGAWAI PENYELIDIK (GRED Q41)

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada RM2249.66); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada RM2353.44); atau

- (iv) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada RM2561.00); atau

- (v) Ijazah Sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada RM2664.78); atau

- (vi) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada RM2976.11);

(Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki kelayakan dalam bidang Kimia)

dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

JURURAWAT (GRED U29)

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada RM1687.59);

(Keutamaan diberi bagi calon yang mempunyai pengalaman sebagai *Clinical Instructor*)

dan

- (e) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas.
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

SYARAT LANTIKAN

Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang UiTM di <http://iapps.uitm.edu.my/epengambilanstaf/>

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

a. Untuk Bukan Staf UiTM

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang UiTM di <http://iapps.uitm.edu.my/epengambilanstaf/> dan membuat permohonan secara dalam talian (“ON-LINE”) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.

b. Untuk Staf UiTM sahaja

Permohonan daripada **Staf UiTM berstatus tetap/kontrak/sementara** di mana pelantikan dibuat melalui Bahagian Pengurusan Perjawatan UiTM, hendaklah dibuat melalui sistem aplikasi dalam talian (“ON-LINE”) melalui Portal I-Staf -> eProses & Sistem Sokongan -> ePengambilan Staf.

Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **Isnin, 1 April 2013** .

Sebarang pertanyaan bolehlah merujuk kepada :



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

**BAHAGIAN PENGURUSAN PERJAWATAN
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
NO.TEL: (03) 5544 3082 / 3089 / 3007
(03) 5521 1028
EMAIL: perjawatan@salam.uitm.edu.my**